



---

## **SIARAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI II KE PROJEK KEBUN BANDAR**

**TARIKH : 9 MAC 2021 (SELASA)**  
**TEMPAT : PEJABAT PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG (CAP)**

9 Mac 2020, Pulau Pinang – Lawatan Kerja YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian II, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada hari ini adalah untuk memperluaskan dan mengalakkan aktiviti pertanian bandar kepada komuniti bandar di Pulau Pinang, disamping mempromosikan kawasan-kawasan contoh pertanian bandar sebagai panduan orang ramai. Selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi iaitu ke arah peningkatan pendapatan dan pengurangan kos sara hidup penduduk. Melalui program ini, komuniti akan diperkenalkan dengan pelbagai pakej dan teknologi pertanian bandar sesuai mengikut tempat dan keadaan komuniti tersebut. Program seumpama ini, mampu menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara. Penduduk bandar juga boleh menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup. Disamping, menambahkan pendapatan sampingan melalui penjualan lebihan hasil tanaman.

Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Tel : 019-472 0075 (Ferdous)/ 012-369 0359 (Amri)  
E-mel : pro@doa.gov.my